



اوتوريټي كبعساٺن كسلامټن  
كصيحټن دان عالم سكيټر  
Safety Health and Environment  
National Authority

## Note to Industry (NTI)

TOPIC <b>Nasihat Umum bagi Tempat Kerja Berikutan Penularan COVID-19</b>			Reference Number 2020/NTI/03
Approved by: Chief Inspector	Issue date: 03 <sup>rd</sup> April 2020	Expiry date: None	Revision No: 1

**Tujuan: Pemberitahuan kepada Industri (NTI) ini adalah sebagai panduan kepada semua tempat kerja di Negara Brunei Darussalam sebagai tindak balas terhadap jangkitan koronavirus (COVID-19). Panduan ini perlu diguna-pakai dengan serta merta.**

Semua prinsipal, majikan, penghuni di tempat kerja dan kakitangan pekerja di Negara Brunei Darussalam diingatkan untuk mematuhi Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja (WSHO) 2009 dan mengambil langkah berjaga-jaga bagi membendung penularan jangkitan COVID-19.

Majikan perlu mengambil berat perkara ini dan dinasihatkan untuk mengambil tindakan kawalan dan pencegahan bagi melindungi kakitangan pekerja daripada risiko pendedahan kepada COVID-19, terutamanya mereka yang berada di barisan depan perkhidmatan.

Setiap majikan adalah diingatkan untuk menjalankan penilaian risiko di tempat kerja dan memperbaiki prosedur kerja untuk mengurangkan risiko pendedahan kepada kakitangan, pekerja dan pelawat ke tempat kerja mereka dari jangkitan COVID-19.

Majikan perlu memastikan langkah-langkah pencegahan disediakan terhadap penularan jangkitan COVID-19 di tempat kerja dan mengenal pasti pekerja yang telah berkunjung ke negara-negara yang terjejas dengan mengendalikan pengawasan kesihatan (*health surveillance*) terhadap pekerja tersebut serta -mengarahkan mereka untuk mendapatkan rawatan segera jika mereka mempunyai simptom-simptom seperti demam panas, batuk dan masalah pernafasan. Pemeriksaan suhu badan terhadap pekerja dan pelawat di setiap pintu masuk bangunan adalah disarankan

Pegawai keselamatan dan kesihatan di tempat kerja atau Perwakilan HSE di setiap tempat kerja atau unit kesihatan dan keselamatan yang berkaitan di dalam setiap tempat kerja digalakkan untuk mempromosikan dan menyampaikan maklumat yang berkaitan mengenai COVID-19 dari masa ke semasa kepada semua komuniti di tempat kerja dan pelawat dalam membendung penularan COVID-19 melalui apa-apa cara seperti taklimat, poster, komunikasi intranet dan sebagainya.

## A) MENGELAKKAN PENULARAN WABAK COVID-19 DI TEMPAT KERJA

Langkah-langkah pengawalan sejauh mana yang dapat dipraktikkan di tempat kerja bagi melindungi pekerja, penuntut (di institusi pendidikan), kontraktor, pelawat dan pelanggan.

- **Memastikan kebersihan di tempat kerja**
  - Ini dapat dilakukan dengan mengamalkan pembersihan permukaan di tempat kerja seperti meja, pemegang pintu, papan kekunci (*keyboard*) dan telefon dengan pencair pencuci *disinfectant*.
  - Pembersihan yang lebih kerap sepatutnya dijalankan di kawasan akses awam seperti lif, tempat makan, tandas, dan kawasan sampah.
- **Menggalakkan pekerja, penuntut, kontraktor, pelawat dan pelanggan membasuh tangan**
  - Meletakkan pembersih tangan (*hand sanitizer*) di tempat-tempat yang strategik di sekitar tempat kerja dan memastikannya sentiasa diisi semula.
  - Mempromosikan amalan mencuci tangan dengan memaparkan poster, pengumuman melalui sistem PA dan taklimat semasa acara di tempat kerja seperti mesyuarat, persidangan, seminar dan lain-lain.
  - Memastikan pekerja, pelajar, kontraktor, pelawat dan pelanggan mempunyai akses yang membolehkan mereka untuk mencuci tangan dengan sabun dan air.
- **Menggalakkan pemantauan atau pemeriksaan suhu badan**
  - Menyediakan pemantauan dan pemeriksaan suhu badan sebelum masuk ke permes kerja.
  - Menasihatkan mana-mana orang yang mempunyai suhu badan yang melebihi normal untuk merujuk terus ke pusat kesihatan yang terdekat.
- **Menggalakkan etika batuk dan bersin**
  - Mempamerkan poster bagi mempromosikan amalan terbaik ketika bersin
  - Memastikan penutup hidung dan mulut dan tisu tersedia di tempat kerja, terutama bagi mereka yang mempunyai simptom selesema dan batuk, serta tong sampah tertutup bagi pembuangan yang betul
- **Mempertimbangkan perjalanan yang tidak penting ke luar negeri**
  - Bermula 16 Mac 2020, kesemua warganegara dan penduduk di Negara Brunei Darussalam termasuk Warganegara asing adalah tidak dibenarkan untuk membuat perjalanan ke luar negeri kecuali dalam keadaan tertentu seperti menjalani rawatan perubatan, menghadiri perbicaraan mahkamah dan melanjutkan pengajian keluar negeri.

- Mempertimbangkan penundaan perjalanan peribadi atau atas dasar urusan rasmi yang kurang penting.
- Sekiranya perjalanan untuk urusan rasmi atau perjalanan penting diperlukan, kebenaran perlu diperolehi melalui Jabatan Perdana Menteri. Permohonan kebenaran khas ini boleh dipohonkan secara online yang dapat diakses dari laman sesawang Jabatan Perdana Menteri [www.pmo.gov.bn](http://www.pmo.gov.bn). Maklumat Lanjut juga boleh diperolehi daripada Garispanduan Permohonan Kebenaran Keluar Negeri Bagi Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam dari laman web tersebut.
- **Nasihat untuk berehat di rumah jika mempunyai simptom-simptom jangkitan COVID-19**
  - Sekiranya terdapat simptom-simptom COVID-19 seperti batuk kering dan masalah pernafasan di kalangan pekerja di tempat kerja awda, nasihatkan pekerja tersebut supaya tidak menghadirkan diri untuk bekerja (atau bekerja dari rumah).
- **Kakitangan di barisan hadapan perkhidmatan (terutama di perkhidmatan kesihatan, kaunter-kaunter farmasi dan sebagainya)**
  - Majikan perlu menyediakan alat perlindungan diri (PPE) yang bersesuaian untuk kakitangan tersebut.
  - Majikan harus menetapkan panduan yang jelas bagaimana untuk menangani pelanggan yang tidak sihat.
  - Kakitangan di barisan hadapan juga boleh menasihati pelanggan yang kelihatan atau menunjukkan tanda-tanda kurang sihat untuk pergi mendapatkan pemeriksaan di pusat perubatan.
  - Sekiranya perlu untuk memberikan perkhidmatan segera kepada pelanggan yang tidak sihat, majikan perlu menyediakan prosedur yang berpatutan bagi melindungi kakitangan dan pelanggan yang lain (sebagai contoh, menyediakan penutup hidung dan mulut untuk kakitangan di barisan hadapan dan melayani pelanggan tersebut berasingan dengan pelanggan lain).

## **B) LANGKAH-LANGKAH PENGAWALAN SEBELUM, KETIKA DAN SELEPAS MEMBUAT PERJALANAN KELUAR NEGERI**

Bermula 16 Mac 2020, kesemua warganegara dan penduduk di Negara Brunei Darussalam termasuk warganegara asing adalah tidak dibenarkan untuk membuat perjalanan ke luar negeri kecuali dalam keadaan tertentu seperti menjalani rawatan perubatan, menghadiri perbicaraan mahkamah dan melanjutkan pengajian keluar negeri.

Sekiranya perjalanan untuk urusan rasmi atau perjalanan penting diperlukan, kebenaran perlu diperolehi melalui Jabatan Perdana Menteri. Permohonan kebenaran khas ini boleh dipohonkan secara online yang dapat diakses dari laman web Jabatan Perdana Menteri [www.pmo.gov.bn](http://www.pmo.gov.bn). Maklumat Lanjut juga boleh diperolehi daripada Garispanduan Permohonan Kebenaran Keluar Negeri Bagi Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam dari laman web tersebut.

Sebelum membuat perjalanan ke luar negeri:

- Mendapatkan maklumat terkini tentang kawasan di mana COVID-19 tersebar melalui <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/situation-reports/> untuk menilai manfaat dan risiko terhadap perjalanan yang di rancang
- Pastikan awda sentiasa mendapatkan maklumat terkini daripada sumber-sumber yang dipercayai, seperti melalui Kementerian Kesihatan.
- Menangguhkan perjalanan pekerja-pekerja yang mempunyai risiko tinggi (seperti pekerja yang berusia atau mempunyai masalah kesihatan seperti kencing manis, jantung dan paru-paru) ke negara yang disyaki mempunyai kes jangkitan COVID-19
- Memastikan semua pekerja yang membuat perjalanan ke negara yang disyaki mempunyai kes jangkitan COVID-19 untuk diberi penerangan oleh orang yang berkelayakan seperti kakitangan perkhidmatan kesihatan
- Mempertimbangkan penyediaan botol kecil (kurang dari 100 ml) pembersih tangan yang mengandungi alkohol bagi mereka yang akan membuat perjalanan. Ini boleh memudahkan pembersihan tangan yang kerap.

Ketika membuat perjalanan di luar negeri

- Menggalakkan pekerja, pelajar, kontraktor, pelawat, dan pelanggan untuk mencuci tangan mereka dengan kerap dan memberi jarak sekurang-kurangnya satu meter dari orang-orang yang batuk atau bersin
- Memastikan pekerja dan pelajar mengetahui apa yang harus dilakukan dan siapa yang perlu dihubungi jika mereka berasa sakit semasa perjalanan.
- Pastikan pekerja dan pelajar mematuhi arahan dari Kementerian Kesihatan, Brunei Darussalam ketika mereka sedang dalam perjalanan. Pekerja anda harus mematuhi mana-mana sekatan terhadap perjalanan atau perhimpunan besar ketika berada di luar negeri.

Ketika balik dari perjalanan ke luar negeri

- Majikan hendaklah memastikan pekerja, pelajar dan kontraktor mematuhi langkah-langkah yang perlu diambil selepas perjalanan pulang dari luar negara, berdasarkan arahan daripada Kementerian Kesihatan.

### **C) LANGKAH PERSEDIAN DI TEMPAT KERJA**

- Membuat perancangan apa yang perlu dilakukan jika seseorang yang disyaki mempunyai COVID-19 di salah satu daripada anda tempat kerja:
  - Rancangan itu perlu meliputi meletakkan orang sakit di dalam bilik atau kawasan di mana mereka terpencil dari orang lain di tempat kerja, menghadkan bilangan orang yang mempunyai hubungan dengannya dan menghubungi 148 (Talian Nasihat Kesihatan)
  - Pertimbangkan bagaimana mengenal pasti orang yang mungkin berisiko, dan memberi sokongan kepada mereka, tanpa mencetuskan stigma dan diskriminasi di tempat kerja. Ini boleh termasuk orang yang baru-baru ini membuat perjalanan ke luar negeri, atau kakitangan lain yang ada keadaan yang menjadikannya lebih tinggi daripada penyakit serius (contohnya kencing manis, penyakit jantung dan paru-paru dan umur yang lebih tua).
  - Menggalakkan dan mempromosikan *teleworking* dalam organisasi yang boleh membantu perniagaan terus beroperasi pada masa yang sama memastikan kakitangan selamat serta membangunkan pelan kontingensi dan kelangsungan perniagaan bagi kemungkinan penularan dalam komuniti di mana perniagaan beroperasi.
- Menyediakan kontingensi dan Pelan Kesenambungan Perniagaan / *Business Continuity Plan* (BCP) bagi penularan wabak di komuniti di mana perniagaan beroperasi

### **D) PROSEDUR TEMPAT KERJA SEKIRANYA RAKAN SEKERJA DIDAPATI POSITIF DENGAN JANGKITAN COVID-19**

Sekiranya berlaku kes COVID-19 yang dikenalpasti dalam anggota kakitangan di tempat kerja, pegawai petugas dari Kementerian Kesihatan akan memaklumkan Ketua Jabatan yang berkaitan yang disahkan dengan kes COVID-19 di tempat kerja.

- Prinsipal, majikan atau penghuni tempat kerja harus mengenal pasti pegawai kanan sebagai Pegawai *focal point* antara Kementerian Kesihatan dan tempat kerja.
- Pegawai *focal Point* harus mengenal pasti semua kakitangan yang mempunyai kontak dengan kes yang disahkan sejak tarikh menunjukkan simptom-simptom. Ini termasuk:

- Semua kakitangan yang berkongsi ruang pejabat atau kawasan jika di pejabat tempat terbuka.
  - Rakan sekerja terdekat dan rakan usaha sama yang lain.
  - Kakitangan yang berkongsi bilik mesyuarat.
  - Kakitangan lain yang berada dalam ruang terkurung dengan kes lebih daripada tempoh 30 minit.
- Semua kakitangan yang dikenal pasti harus dihantar ke rumah, mengasingkan diri, dan dinasihatkan untuk menunggu arahan seterusnya. Pengasingan diri sangat disyorkan.
  - Pegawai *focal point* harus menyediakan senarai semua kakitangan di tempat kerja dengan maklumat berikut:
    - Nama
    - Nombor hubungan
    - Kad pengenalan

•Senarai ini akan dihantar kepada pegawai bertugas di Kementerian Kesihatan dan Pegawai *focal point* perlu menunggu arahan lanjut dari Kementerian Kesihatan mengenai langkah-langkah seterusnya. Langkah-langkah ini boleh termasuk kuarantin dan / atau hadir ke tempat yang ditetapkan untuk ujian.

Untuk maklumat lanjut, prinsipal, majikan dan individu boleh menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 yang beroperasi 24 jam setiap hari.

Semua prinsipal/majikan/penghuni dan individu dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai jangkitan COVID-19 di laman web rasmi Kementerian Kesihatan di [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn)

Semua principal/ majikan/penghuni dan individu adalah disarankan untuk menggunakan aplikasi *Covid-19 Self-Assessment Tool* melalui [healthinfo.gov.bn](http://healthinfo.gov.bn) bagi Kementerian Kesihatan memantau serta menilai keadaan COVID-19 di negara ini disamping membantu dalam membuat perancangan dalam menangani situasi COVID-19.

SHENA ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan ke atas sokongan semua pihak yang berkepentingan untuk memastikan Brunei adalah tempat yang selamat untuk bekerja. Untuk sebarang pertanyaan atau penjelasan lanjut, sila hubungi SHENA seperti di bawah

T: +673 238 2000 E: [info@shena.gov.bn](mailto:info@shena.gov.bn) W: [www.shena.gov.bn](http://www.shena.gov.bn) IG & FB: @shena.gov.bn

**-TAMAT-**